

25/05/2000

Perdana Menteri lancar projek NECC

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan projek Pusat Pameran dan Konvensyen Negara (NECC) yang akan dibina di tapak Terminal 1 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang, dekat sini.

Pengerusi Eksekutif MAB, Tan Sri Basir Ismail, berkata projek yang dianggar menelan belanja RM1 bilion itu akan diusahakan sepenuhnya oleh Malaysia Airports Holdings Bhd.

Beliau berkata, keseluruhan projek itu dijadual siap pada suku ketiga 2002 dan akan menjadi satu-satunya di dunia yang mempunyai laluan terus kepada landasan Boeing 747nya sendiri.

Antara kemudahan yang akan disediakan di NECC ialah ruang pameran seluas 100,000 meter persegi yang mampu menampung sehingga 20,000 perwakilan, sebuah pusat lelongan bagi rantau Asia-Pasifik bersebelahan kemudahan itu.

Pusat lelongan itu akan mempunyai kemudahan untuk pesawat 747 diletak sama ada sebagai barang lelongan atau membawa barang-barang lain untuk lelongan.

Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas itu berkata, MAB dan Naluri Bhd yang bertanggungjawab untuk projek Taman Aeroangkasa dan Aviasi Antarabangsa (SIAP) tidak sepatutnya bertelagah mengenai pemilikan tanah di kawasan bekas lapangan terbang antarabangsa itu.

Katanya, Naluri tidak perlu berebut kawasan bersebelahan bekas Terminal Satu dengan MAB, sebaliknya boleh mengambil sekeping lagi tanah bersebelahan pusat servis Penerbangan Malaysia (MAS), sekarang.

"Memandangkan tanah itu dimiliki oleh Institut Penyelidikan Getah, tidak harus ada masalah dalam mendapatkan ruang untuk membangunkan SIAP di kawasan berkenaan," katanya.

Dilaporkan, Naluri telah mencadangkan untuk membangunkan taman itu sebagai taman aeroangkasa kebangsaan yang bertujuan meletakkan negara sebagai peserta penerbangan utama di rantau Asia-Pasifik.

"Keluasan kedua-dua kawasan hampir sama, tidak ada alasan mengapa kedua-dua syarikat itu tidak boleh memiliki kedua-dua kawasan dan tidak sebab penting mengapa taman itu diletak di sana... jadi tidak ada masalah di sini," kata Dr Mahathir.

(END)